

06 DEC 1997

Mahathir-Perahu Layar

DR MAHATHIR DI TEMPAT KETIGA PERLUMBAAN PERAHU LAYAR LANGKAWI

LANGKAWI, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa sejam di Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) '97 untuk mengambil bahagian dalam acara perlumbaan perahu layar orang-orang kenamaan dengan beliau muncul sebagai pemenang tempat ketiga.

Perlumbaan 10 pasukan itu turut disertai oleh Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar (yang menduduki tempat kelima) dan Pengerusi Huswah Exhibition Sdn Bhd Tan Sri Wahab Nawi yang memenangi tempat pertama acara itu yang diadakan dekat Tanjung Malai di sini.

"Pelayaran yang baik dan laju dengan saya terpaksa bergerak dari kiri ke kanan," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas perlumbaan itu.

Ditanya sama ada beliau akan mencuba sekali lagi, beliau menjawab: "Bukan dalam masa tersingkat ini".

Menjawab satu lagi soalan, beliau berkata Langkawi merupakan tempat yang paling sesuai bagi aktiviti rekreasi sukan air memandangkan pemandangan yang menarik, angin yang nyaman dan tiada jerebu.

Beliau berkata sukan perahu layar semakin popular di Malaysia.

Sebelum itu beliau melancarkan, "Ekobike" di segmen Maritim LIMA '97.

Ekobike merupakan basikal menggunakan bateri yang akan dikilangkan di Seri Kembangan, Selangor tidak lama lagi.

Bateri bagi basikal berharga RM2,188 itu mampu bertahan untuk 30km dengan kelajuan maksima 20km sejam dan tempoh mengecas semula ialah lima jam.

Projek itu ialah usahasama antara TWM Enterprise Sdn Bhd, sebuah syarikat dari Selangor dan Yong Au Mechanical R&D Company Ltd dari China.

Sebanyak 70 peratus daripada komponennya adalah komponen tempatan sementara bahagian motor dan bateri diimport dari China. Ia dikenali sebagai "Ekobike" kerana faktor ekonomi dan mesra alam.

Dr Mahathir juga melawat kapal selam Pakistan, iaitu satu daripada empat kapal selam yang berlabuh di jeti Tanjung Malai bagi pameran maritim itu. -- BERNAMA

JM PR